

Rosakkan harta benda jiran, lelaki didenda RM3,000

SIBU: Mahkamah Majistret disini, kelmarin menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau penjara tiga bulan ke atas seorang lelaki kerana merosakkan harta benda jirannya.

Majistret Oon Kork Chern

menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh Mohammad Aznizan Hassan, 40, dari Jalan Nanas di sini, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan mengikut Seksyen 425 Kanun Keseksan yang boleh

dihukum mengikut Seksyen 426 akta sama.

Dia melakukan kesalahan itu pada 27 Mac kira-kira jam 8.30 pagi di rumah jirannya di Jalan Nanas.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh datang ke rumah

pengadu berusia 67 tahun dalam keadaan marah dan bertindak agresif dengan cuba menumbuknya.

Dia juga merosakkan dua meja dan pintu utama rumah pengadu.

Tertuduh ditahan pada

hari yang sama susulan laporan yang dibuat oleh pengadu.

P e n d a k w a a n dijalankan oleh Inspektor Kumareswaran Murugan manakala tertuduh tidak diwakili peguam.